



## **TEKS UCAPAN ALU-ALUAN**

**XXX**

**SEMPENA**

**1st INTERNATIONAL MILLENNIPRENEUR  
INNOVATION AND COMMERCIALIZATION  
EXHIBITION (IMInE2023)**

**12 OKTOBER 2023**

**DATC, UiTM**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis.

**Bismillahirrahmanirrahim.**

**SALUTASI - Akan dilampirkan DI ROSTRUM**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat llahi, kerana dengan rahmat-NYA, kita dapat bersama-sama di dalam majlis **International Millennipreneur Innovation And Commercialization Exhibition 2023 (I-MInE)** pada pagi ini.
2. Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan penghargaan serta mengalu-alukan **kehadiran Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Khalid Nordin, Menteri Pendidikan Tinggi**, yang sudi bersama-sama kita hari ini.
3. Kehadiran Yang Berhormat amat bermakna kepada kami semua termasuklah para peserta hari ini.
4. Saya juga mengucapkan tahniah kepada Unit Keusahawanan, Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia, dan

MASMED UiTM. Tidak lupa juga kepada jawatankuasa dan semua yang terlibat sehingga berjaya melaksanakan majlis pada hari ini.

***Para Hadirin sekalian,***

5. UiTM bermula sebagai sebuah institusi latihan pada tahun 1956 yang dikenali sebagai Dewan Latihan RIDA. Tahun ini, UiTM berusia 67 tahun, setahun lebih tua daripada tahun kemerdekaan kita.
6. Pada hari ini UiTM mempunyai lebih daripada 180,000 pelajar. Lebih daripada 30,000 pelajar menamatkan pengajian setiap tahun dengan kadar pekerjaan yang mencapai kira-kira 83%. Alhamdullilah, pada tahun ini, jumlah Alumni UiTM telah rasmi mencapai lebih daripada 700,000 orang. Daripada jumlah itu, UiTM telah melahirkan ramai usahawan berjaya.
7. Sehubungan dengan itu, UiTM mempunyai tanggungjawab yang sangat besar untuk menyumbang kepada matlamat Malaysia untuk menjadi Negara Usahawan menjelang tahun 2030. Ini juga sejajar dengan aspirasi UiTM iaitu untuk menjadi sebuah Universiti yang dikenali dunia dalam bidang Sains, Teknologi, Kemanusiaan, dan Keusahawanan.

8. UiTM sentiasa berusaha memberikan komitmen untuk menjadi Institusi Pengajian Tinggi berkelas dunia dengan meningkatkan pengiktirafan di peringkat global seterusnya menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

***Hadirin yang dihormati sekalian,***

9. UiTM telah melakukan pelbagai inisiatif bagi menggalak dan membangun budaya inovasi dan keusahawanan dalam kalangan pelajar melalui program keusahawanan termasuk integrasi elemen keusahawanan dalam silibus, pembangunan inkubator pelajar, peluang pendanaan perniagaan, serta menggalakkan penghasilan idea berinovatif yang berpotensi untuk dikormesialkan dalam pertandingan seperti IMInE2023.

10. UiTM amat berterima kasih kepada Kementerian Pendidikan Tinggi atas sokongan padu dan kepercayaan yang diberikan kepada sejak dahulu lagi untuk kami merealisasikan pelbagai program keusahawanan melalui Pusat Keusahawanan UiTM, Akademi Pembangunan PKS & Keusahawanan Malaysia (MASMED).

11. Sudah pastinya, kami tidak akan berjaya tanpa bantuan dan dorongan secara berterusan daripada pelbagai agensi dan industry seperti TEKUN, Bank Rakyat, SME Corp, SME Bank,

INSKEN, SSM dan KOSISWA, Nestle, Celcom, Petronas, serta ramai syarikat alumni UiTM yang sentiasa bersedia untuk menyumbang semula kepada UiTM.

***Hadirin hadirat sekalian,***

12. Objektif utama IMInE2023 adalah untuk mencipta platform yang mempromosikan keusahawanan melalui penghasilan produk berinovasi, dan menggunakan teknologi terkini yang menyumbang kepada perkembangan kemahiran keusahawanan dalam kalangan pelajar.

13. I-MINE menyokong penuh Tiga Teras PTK-IPT 2021-2025, iaitu ekosistem keusahawanan bersinergi, kolaborasi berimpak tinggi dan innovasi dan teknologi.

14. Program IMInE ini, adalah hasil penjenamaan semula program Product Idea Innovation (PRIDE) dan Tech-Create anjuran Akademi Pembangunan PKS dan Keusahawan Malaysia (MASMED), yang telah dianjurkan sejak tahun 2018.

15. PRIDE dan Tech-Create terdahulu telah diilhamkan dengan objektif untuk mencungkil bakat-bakat dan idea-idea inovasi yang berpotensi untuk dikomersialkan, khususnya untuk pelajar-pelajar peringkat ijazah UiTM.

16. IMInE pada tahun ini turut mensasarkan penyertaan bukan sahaja di peringkat kebangsaan malah juga antarabangsa.

17. IMInE2023 ini juga bukan sekadar pameran dan pertandingan rekacipta. Ia juga meraikan lebih kurang 1000 orang pereka muda dan lebih 200 produk kreatif dan inovatif yang bakal menyumbang kepada penyelesaikan pelbagai masalah dan berpotensi secara komersial.

18. Jika tuan puhan telah menyusuri lorong-lorong reruai di dalam dewan ini, dapat kita saksikan banyak idea dan ciptaan inovasi daripada generasi Millennials.

19. Kita sedia maklum, generasi Millennials ini merupakan generasi yang sedikit berbeza daripada generasi terdahulu. Mereka lahir di dalam kepesatan pembangunan teknologi, atau dengan kata lain mereka ini golongan yang sangat mahir dengan teknologi.

20. Saya yakin, dengan inovasi dan kreativiti daripada generasi inilah yang akan membentuk senario masa hadapan bidang perniagaan di negara kita.

**Hadirin sekalian,**

21. Saya juga yakin program ini akan memberi ruang pelajar memulakan penjenamaan korporat produk-produk ini, membuka mata banyak pihak mengenai produk-produk yang berpotensi untuk dikormesialkan.
22. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Khalid Nordin dan sayabas kepada Unit Keusahawanan, Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia, dan MASMED UiTM di atas usaha merealisasikan program ini dengan jayanya.
23. Semoga program yang dianjurkan melalui kerjasama erat antara semua pihak ini memberi manfaat dan impak kepada pelajar, seluruh warga Universiti dan masyarakat.

**Terima kasih.**

**Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.**